

KEPATUHAN DANA UNIT AMANAH SYARIAH DI MALAYSIA

Shahrul Hilmi bin Othman & Rahisam bin Ramli
Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka
shahrul@kuim.edu.my
rahisam@kuim.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk menganalisa kepatuhan syariah unit amanah Islam di Malaysia. Kajian ini berbentuk kualitatif deskriptif berbentuk pemerhatian tanpa turut serta dan menyelidikan laporan individu. Menggunakan pendekatan induktif-generatif proses mengumpul data. Dua syarikat pengurus dana iaitu PMB Investment Berhad dan RHB Aset Management dipilih menjadi sampel kajian yang mewakili 36 syarikat pengurus dana di Malaysia. Dapatan kajian menjelaskan perolehan setiap pelaburan unit amanah syariah mengikut objektif dan portfolio pelaburan yang akan disesuaikan dengan kehendak pelabur. Wujud kombinasi akad dalam dana unit amanah patuh syariah iaitu akad al-murakkābah al-Mutaqabilah iaitu akad gabungan dalam bentuk akad kedua mempengaruhi akad pertama, di mana kesempurnaan akad pertama bergantung kepada sempurnanya akad kedua melalui proses timbal balik.

Kata kunci: Kepatuhan, unit amanah, pelabur & RHB Aset Management

COMPLIANCE OF SYARIAH TRUST UNIT FUNDS IN MALAYSIA

ABSTRACT

This study was conducted to analyze the syariah compliance of Islamic unit trusts in Malaysia. This study is a descriptive qualitative form of observation without participation and individual report research. Using inductive-generative approaches to collecting data. Two fund managers, namely PMB Investment Berhad and RHB Asset Management, were selected as the sample of the survey representing 36 fund managers in Malaysia. The findings explain the turnover of each syariah unit trust investment in accordance with the objectives and investment portfolio that will be tailored to investors' needs. There is a combination of contracts in the unitary unit of Shariah-compliant unit trusts in the form of a second contract affecting the first contract, where the perfection of the first contract depends on the perfection of the second contract through the reciprocal process.

Keywords: *Compliance, unit trust, investors, RHB Asset Management*

PENDAHULUAN

Pasaran modal telah berjaya membiayai pembangunan ekonomi negara dengan menyediakan penyelesaian berasaskan pasaran dan lebih daripada RM1 trilion telah dikumpul melalui bon korporat dan tawaran awam sejak tahun 2000. Salah satu segmen pasaran modal Malaysia adalah pasaran sukuk, ia merupakan antara pasaran sukuk terbesar dunia dan merupakan penyumbang utama kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK). Sementara itu, pasaran ekuiti mempunyai bilangan syarikat tersenarai terbesar di ASEAN. Maka jelaslah, pasaran modal Malaysia menyediakan peluang untuk menjana dan memelihara kekayaan. Laporan 2017 Suruhanjaya Sekuriti menjelaskan, secara keseluruhan Industri pengurusan pelaburan adalah salah satu daripada segmen yang mengalami pertumbuhan paling pantas. Manakala pengurusan dana Islam di Malaysia adalah yang terbesar di dunia dari segi bilangan dana dan kedua terbesar dari segi saiz. Pasaran modal telah mencapai keseimbangan dan dipelbagai dengan pengukuhan dalam seluruh segmen pasaran. Di sebalik ketidaktentuan ekonomi global dan kesan harga komoditi rendah yang berpanjangan serta kelembapan berstruktur dalam ekonomi utama, pada 2016, pasaran modal Malaysia kekal bingkis dengan mencatatkan pertumbuhan daripada RM2.82 trilion (2015) kepada RM2.84 trilion (2016).

Malaysia menawarkan pelbagai skim pelaburan kolektif Islam (*CIS*) yang merangkumi dana unit amanah, dana borong, skim persaraan swasta (*PRS*), dana dagangan bursa (*ETF*) dan amanah pelaburan hartanah (*REIT*). Suruhanjaya Sekuriti (2017) menjelaskan jumlah aset bawah pengurusan (*AUM*) syarikat pengurusan dana (*FMC*) berlesen di Malaysia meningkat sebanyak 4.25% daripada RM696.3 bilion berbanding RM667.9 bilion pada tahun 2015. Manakala pelaburan dalam Malaysia melalui Syarikat Pengurus Dana (*FMC*) adalah berjumlah RM560.86 bilion, mewakili 80.55% daripada jumlah aset bawah Pengurusan (*AUM*) pada penghujung 2016. Sebahagian besar pelaburan dilaburkan dalam pasaran ekuiti, dengan 48.33% pada penghujung 2016 berbanding 49.23% pada 2015.

Merujuk kepada Suruhanjaya Sekuriti (2017) menjelaskan usaha pembangunan Pasar Modal Malaysia yang dilakukan Suruhanjaya Sekuriti pada 2016 ialah mewujudkan dan memelihara kekayaan iaitu dengan memberi tumpuan usaha ke atas pewujudan dan pemeliharaan kekayaan melalui industri unit amanah dan skim persaraan swasta. Unit amanah merupakan satu kelas aset yang digemari dan nilai aset bersih industri ini berjumlah RM358.47 bilion. Kecekapan proses telah diperkenalkan untuk memudah cara penawaran dana yang lebih besar kepada pelabur bagi mengukuhkan daya saing dan memenuhi keperluan pelabur dengan lebih baik.

Pertumbuhan dalam industri pengurusan dana disokong oleh pengembangan industri unit amanah. Dalam Pelan Induk Pasar Modal 1 satu seksyen diperuntukan untuk perkembangan pasaran modal Islam (*PMI*). Antara syor tersebut boleh dirujuk melalui syor 66 yang diringkaskan sebagai berikut 'usaha untuk memperkenalkan pelbagai skim pelaburan kolektif Islam akan dipermudahkan'. Manakala syor 73 menerangkan 'usaha yang lebih untuk

meningkat kesedaran tentang pasaran modal Islam Malaysia di peringkat domestik dan antarabangsa akan dijalankan'. Selain itu, unit amanah merupakan antara skim pelaburan kolektif yang wujud dalam pasaran modal Islam selain Dana Dagangan Bursa dan Amanah Pelaburan Hartanah. merujuk kepada Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM)(2015).

Unit amanah banyak membantu menjana perekonomian sesebuah negara. Kecekapan merupakan pengukuran penting yang boleh digunakan untuk menilai perkembangan dan pertumbuhan sesebuah negara. Malaysia telah memperkenalkan konsep unit amanah agak awal berbanding jiran-jiran di Asia, antara kelebihan pelaburan ini ialah ia dikawal oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) yang mana hanya skim unit amanah yang diluluskan boleh ditawarkan kepada orang ramai di Malaysia. Ia juga perlu mematuhi segala peruntukan bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 (sebagaimana pindaan kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti (pindaan) 2000), Selain itu pelaburan unit amanah ini berbentuk mudah tunai dan kecairan yang cepat (Hisyam Sabri et.al,2008).

Berdasarkan kepada statistik Suruhanjaya Sekuriti (2017) hanya 31.8 % iaitu sebanyak 204 adalah dana syariah dan 68.2% atau 438 adalah dana konvensional daripada 642 dana yang diluluskan. Terdapat 36 syarikat pengurus dana yang berdaftar di Malaysia dan 19.4 % atau 7 daripada syarikat pengurus dana menawarkan dana Syariah sepenuhnya dan selebihnya 80.6 % atau 29 syarikat pengurus dana menawarkan secara bercampur dana syariah dan dana konvensional. Senarai sekuriti patuh Syariah yang tersenarai di Bursa Malaysia yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah, Suruhanjaya Sekuriti (2017) pada 26 Mei 2017 menjelaskan sebanyak 23 sekuriti yang dikeluarkan (diklasifikasikan tidak patuh syariah) dan 24 November 2017² sebanyak 33 sekuriti yang berada dalam senarai sebelum ini telah dikeluarkan.

Statistik Suruhanjaya Sekuriti menampakkan dana syariah masih lagi tidak banyak yang ditawarkan berbanding dengan dana konvensional dan syarikat pengurus masih lagi menawarkan dana secara bercampur berbanding berusaha untuk menawarkan dana Syariah sepenuhnya. Manakala pada tahun 2017 sahaja Suruhanjaya Sekuriti melalui Majlis Penasihat Syariah telah mengeluarkan sebanyak 56 sekuriti daripada tersenarai sebagai patuh syariah. Perkara ini akan memberi impak kepada pembangunan industri pengurusan kekayaan Islam masih pada tahap awal berbanding dengan segmen lain dalam pasaran modal Islam di Malaysia, dengan ekosistem kewangan Islam yang komprehensif dan rekod prestasi dalam inovasi, berkedudukan terbaik untuk memainkan peranan utama untuk membentuk konsep dan memacu pembangunan perkhidmatan pengurusan kekayaan Islam.

Oleh itu, amat penting dalam memastikan pematuhan produk dan perkhidmatan kewangan Islam kepada prinsip-prinsip Syariah yang telah digariskan oleh Al-Qur'an dan Sunnah serta dikembangkan oleh ulama' Islam terdahulu. Peranan ini menjadi lebih penting, kerana untuk membantu membentuk produk-produk baru supaya lebih inovatif dan setanding dengan

² Majlis Penasihat Syariah akan mengeluarkan Senarai Sekuriti Patuh Syariah yang telah dikemaskini sebanyak dua kali setahun.

produk-produk konvensional, Menyediakan rangka kerja pemboleh untuk menyokong inovasi dalam pasaran Islam untuk memenuhi tiga teras strategik Rangka Tindakan Pengurusan Dana dan Kekayaan iaitu mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab global bagi dana Islam, menjadikan Malaysia sebagai pusat serantau bagi pelaburan patuh Syariah yang mampan dan bertanggungjawab, dan membangunkan Malaysia sebagai pembekal perkhidmatan pengurusan kekayaan Islam di peringkat antarabangsa.

PENGENALAN UNIT AMANAH

Unit Amanah adalah satu bentuk pelaburan kolektif yang membolehkan pelabur yang mempunyai objektif pelaburan yang sama supaya mengumpulkan simpanan mereka, dan kemudian dilaburkan ke dalam satu portfolio sekuriti atau aset lain, yang diuruskan profesional pelaburan. (Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM), 2015). Unit Amanah juga turut dikenali sebagai *unit trust* (UT) merupakan suatu bentuk pelaburan yang memberi ruang dan peluang kepada pelabur-pelabur kecil untuk melabur dalam jumlah yang kecil serta risiko yang dihadapi juga rendah (Suhailah Jaafar, 2013). Manakala Roslan Ali (1992) menjelaskan tabung amanah ialah pasaran saham amanah yang boleh dijual beli oleh orang awam melalui pengurus-pengurus tabung tertentu. Rokiah Hassan (2010) mentakrifkan Unit Amanah adalah skim pelaburan yang mengumpulkan wang dari pelabur individu dan institusi dan dana itu kemudian diuruskan oleh sekumpulan pengurus profesional yang melabur wang dalam portfolio sekuriti seperti saham, bon, instrumen pasaran wang atau lain-lain sekuriti yang dibenarkan di bawah garis panduan Suruhanjaya Sekuriti (SC).

UNIT AMANAH SYARIAH

Manakala, Unit amanah syariah ialah skim pelaburan kolektif yang mengumpulkan simpanan para pelabur yang mempunyai objektif yang sama dalam satu tabung khas yang diuruskan oleh pengurus dana professional. Wang yang dikumpulkan dalam tabung unit amanah kemudiannya akan dilabur dalam pelbagai portfolio yang terdiri daripada sekuriti dan aset lain mengikut objektif pelaburan tabung unit amanah tersebut dan sebagaimana yang dibenarkan di bawah garis panduan dan peraturan Suruhjaya Sekuriti, segala aktiviti mestilah mematuhi keperluan syariah (Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM), 2015).

Muhammad Yamin Ismail & Abdullah Alwi Haji Hassan (2006) menjelaskan Amanah Saham Syariah merujuk kepada dana pelaburan kolektif yang menawarkan kepada pelabur peluang untuk melabur dalam pelbagai portfolio sekuriti lulus Syariah dan diuruskan oleh pengurus dana profesional menurut prinsip Syariah. Skim unit amanah saham Islam ini perlu melantik Jawatan Kuasa Syariah bagi memastikan pelaburannya berlandaskan prinsip Syariah dan sekuriti lulus syariah. Sekuriti lulus Syariah adalah berdasarkan kepada senarai syarikat- syarikat lulus Syariah yang diperakukan oleh Majlis Penasihat Syariah, Suruhanjaya Sekuriti.

Dana Unit Amanah Syariah adalah merujuk kepada portfolio pelaburan. Dana yang terdiri daripada sekuriti atau instrumen yang telah diklasifikasikan sebagai patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya sekuriti mahupun Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia. Bagi sekuriti atau instrumen yang tidak diklasifikasikan sebagai patuh Syariah oleh kedua-dua Majlis Penasihat Syariah maka status sekuriti atau instrument tersebut akan ditentukan mengikut ketetapan yang dikeluarkan oleh Penasihat Syariah Dana (Master Prospektus PMB Investment Berhad, 2017).

Dari kaca mata Islam, menerima amanah digalakkan kerana ia adalah satu bentuk pertolongan yang dapat diberikan sesama manusia. Adakalanya menerima amanah menjadi satu kewajipan apabila seseorang itu yakin yang dirinya mampu memikul dan memelihara amanah itu dan di sana tiada orang lain yang dapat menjalankan peranan yang sama. Begitu juga dengan individu yang mahu menyerahkan sesuatu amanah kepada seseorang, tidak kiralah yang diamanahkan itu berupa harta atau sebaliknya. Jika keadaan menjadi amat perlu, maka adalah menjadi wajib keatasnya menyerahkan amanah berkenaan untuk dipelihara atau oleh sesuatu pihak lain. Namun begitu adalah haram bagi seseorang individu untuk menerima amanah jika dia tidak ada keupayaan untuk mengurus atau memelihara amanah tersebut. Ali Tantawi (1987).

Md. Akhir Haji Yaacob (1992), menjelaskan Amanah di sisi Islam ialah sesuatu yang ada pada seseorang yang dipercayai (al-Amin), sama ada amanah yang dimaksudkan itu supaya menjaga harta seperti wadi`ah, atau amanah dalam suatu kontrak yang menghendaki pembayaran pampasan kerana kehilangan seperti barang yang disewa dan barang yang dipinjam. Amanah juga bermaksud sejumlah wang atau harta lain yang dipegang oleh individu, sekumpulan orang, bank atau institusi lain bagi pihak individu, kumpulan atau institusi.' Ia juga bermaksud organisasi atau syarikat yang mengumpul wang daripada orang ramai dan melaburkannya ke dalam beberapa firma terpilih.

Menurut (Muhammad Yamin Ismail & Abdullah Alwi Haji Hassan, 2006) amanah adalah asas kepada sikap bertanggungjawab yang perlu dimiliki oleh setiap individu mahupun badan atau pihak yang diamanahkan dengan sesuatu harta ataupun tugas. Ini kerana Islam melihat bahawa kesediaan seseorang itu menerima amanah daripada sesuatu pihak lain sebagai amal kebajikan demi semangat tolong-menolong sebagaimana yang sangat dianjurkan. Pemegang amanah pula dianggap telah melakukan satu kebaktian kepada pemilik harta berkenaan. Lantaran itu pemegang amanah tidak boleh dipertanggungjawabkan di atas kerosakan atau kemusnahan atau kehilangan amanah berkenaan melainkan ia disebabkan oleh kecuaiian atau perbuatan salah. Dari sini dapatlah kita fahami bahawa sifat amanah di dalam Islam mempunyai pengertian yang amat luas dan juga amat berat sekali. Ia merupakan satu tanggungjawab yang akan dipersoal kelak oleh Allah Taala nanti sama ada ia telah dilaksanakan.

KEPATUHAN DANA UNIT AMANAH SYARIAH

Bagi menjaga kepentingan pelabur, industri unit amanah di Malaysia diurus dan dikawal selia di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, Garis Panduan

Suruhanjaya Sekuriti untuk Dana-dana Unit Amanah dan undang-undang berkaitan. Keperluan perundangan serta surat ikatan mengawal selia operasi dana unit amanah, hak pelabur dan tugas serta tanggungjawab syarikat pengurusan dan pemegang amanah.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) merupakan badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 (SCMA) untuk mengawal selia dan membangunkan pasaran modal Malaysia. Misi Suruhanjaya Sekuriti adalah untuk menggalakkan dan mengekalkan pasaran sekuriti dan derivative yang adil, cekap dan telus dan memudahcarakan pembangunan teratur bagi pasaran modal yang inovatif dan berdaya saing. Ia komited untuk memastikan pelabur dilindungi, pasaran yang adil dan teratur, serta memantau, mengurangkan dan menguruskan risiko sistemik yang muncul daripada pasaran modal. Tanggungjawab, kuasa dan bidang kuasa Suruhanjaya Sekuriti ditakrif dengan jelas dan digariskan dalam undang-undang sekuriti, iaitu SCMA, *Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007* (CMSA) dan *Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991* (SICDA) (Suruhanjaya Sekuriti 2017:144). Suruhanjaya Sekuriti merupakan badan statutori biaya sendiri dengan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan. Suruhanjaya Sekuriti melapor kepada Menteri Kewangan dan akaunnya dibentangkan di Parlimen secara tahunan.

Objektif pengawalseliaan pasaran modal Malaysia adalah sejajar dengan objektif pengawalseliaan sekuriti Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (IOSCO). Objektif utama mengawal selia pasaran modal untuk melindungi pelabur, Memastikan pasaran yang adil, cekap dan telus, Mengurangkan risiko sistemik (Suruhanjaya Sekuriti 2015:2).

Secara kolektif, ketiga-tiga objektif tersebut menyumbang kepada usaha untuk meningkatkan kepercayaan dan keyakinan. Pasaran modal merupakan perantara yang membolehkan modal disalurkan kepada mereka yang memerlukannya dan risiko yang berkaitan dengannya ditanggung oleh mereka yang bersedia menanggungnya. Dalam sistem yang mana risiko dan ganjaran boleh bertukar tangan, adalah penting bagi semua pihak untuk mempercayai bahawa risiko dan ganjaran tersebut akan diperuntukkan dengan adil dan cekap, secara termaklum bersandarkan maklumat yang jelas. Oleh itu, pengawalseliaan adalah bertujuan untuk menggalakkan kepercayaan dengan memastikan maklumat yang relevan dan tepat disebarkan tepat pada masanya. Penzahiran sedemikian menyumbang kepada integriti proses pembentukan harga, yang mana memainkan peranan penting dalam memastikan pasaran beroperasi secara adil. Proses pembentukan harga yang boleh dipercayai dapat membina keyakinan dengan mengurangkan perbezaan harga, seterusnya mengurangkan kos urus niaga dan kos pencarian bagi peserta pasaran (Suruhanjaya Sekuriti 2015:2).

Komponen utama yang mengekalkan kepercayaan dan keyakinan dalam pasaran adalah pemeliharaan integriti pasaran. Pengawalseliaan pasaran modal di Malaysia adalah bertujuan memupuk integriti pasaran dalam pelbagai cara. Ini termasuk mengenakan keperluan layak dan sesuai ke atas individu yang berlesen dan berdaftar, menetapkan standard tatalaku mandatori, serta mendapatkan kelulusan dan penzahiran untuk produk yang boleh diakses oleh pelabur runcit. Keperluan ini penting kerana kesediaan orang ramai untuk menyertai pasaran

modal bergantung kepada keyakinan mereka terhadap kualiti pengantara, pasaran, produk, perkhidmatan dan maklumat yang disediakan kepada mereka. (Suruhanjaya Sekuriti 2015:3).

Pengawalseliaan bertujuan untuk mengurangkan risiko sistemik. Risiko sistemik merujuk kepada mana-mana kesan buruk yang berpotensi merebak ke dalam sistem kewangan dan seterusnya kepada ekonomi yang lebih luas. Faktor-faktor yang boleh meningkatkan risiko sistemik termasuk reka bentuk, pengedaran atau tingkah laku bagi produk pelaburan tertentu dalam keadaan tertekan; aktiviti atau kegagalan sesebuah entiti yang dikawal selia; gangguan pasaran; atau integriti pasaran terjejas. Risiko sistemik juga boleh berlaku apabila hilangnya kepercayaan atau keyakinan secara beransur-ansur terhadap pasaran. Oleh itu, pengawalseliaan harus menasaskan usaha untuk mengurangkan risiko kegagalan, dan pada masa yang sama memastikan kegagalan pasaran dan pesertanya tidak memberi kesan negatif yang lebih besar terhadap kedudukan kewangan orang awam dan ekonomi secara keseluruhannya (Suruhanjaya Sekuriti 2015:3).

Konsep pengawalseliaan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Sekuriti secara umum merujuk kepada proses penggubalan peraturan, pemberian kebenaran, pengawasan dan penguatkuasaan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Sekuriti ke atas pasaran modal. Penggubalan peraturan merupakan proses pewujudan standard rasmi yang mesti dipatuhi oleh individu dan syarikat. Pemberian kebenaran adalah fungsi pengawalan yang mengawal selia kemasukan individu atau produk ke dalam pasaran. Pengawasan memastikan standard yang diwujudkan tersebut terus diamalkan dan dipatuhi serta membolehkan kami memantau risiko sebenar, yang berpotensi atau ditanggap. Penguatkuasaan memupuk pematuhan dengan memastikan tindakan yang setimpal dikenakan ke atas mana-mana pelanggaran undang-undang.

Pengawalseliaan pasaran modal melibatkan pelbagai fungsi, penggubalan peraturan, pemberian kebenaran, pengawasan dan penguatkuasaan, memandangkan dinamikanya keempat-empat proses ini dalam memainkan peranan untuk memastikan rangka kerja pasaran modal kami teguh dan terus memudahcarakan pertumbuhan (Suruhanjaya Sekuriti 2015:1). Ini merupakan tanggungjawab besar Suruhanjaya Sekuriti dalam melindungi pelabur. Selain daripada melaksanakan fungsi kawal selia, Suruhanjaya Sekuriti juga bertanggungjawab di bawah undang-undang untuk menggalakkan dan mempromosikan pembangunan sekuriti dan derivatif di Malaysia. Melaksanakan semua fungsi ini merupakan tanggungjawab penting Suruhanjaya Sekuriti dalam melindungi pelabur. Selain daripada melaksanakan fungsi pengawalseliaannya, Suruhanjaya Sekuriti juga dikehendaki oleh statut untuk menggalakkan dan mempromosikan pembangunan sekuriti dan pasaran niaga hadapan di Malaysia. Suruhanjaya Sekuriti mentadbir akta-akta yang berikut:

1. *Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993*;
2. *Akta Perindustrian Sekuriti 1983*;
3. *Akta Industri Niaga Hadapan 1993*; dan
4. *Akta Industri Sekuriti (Depositari Pusat) 1991*.

(disesuaikan dari laman sesawang [http://www.Suruhanjaya Sekuriti.com.my/about-us/general-information-about-the-Suruhanjaya Sekuriti/\(19/6/2016\)](http://www.SuruhanjayaSekuriti.com.my/about-us/general-information-about-the-SuruhanjayaSekuriti/(19/6/2016)))

Suruhanjaya Sekuriti mengeluarkan satu set garis panduan semakan dan baru untuk memudahcarakan perkembangan berterusan meningkatkan daya saing industri unit amanah. Sebagai tambahan kepada Garis panduan Dana Unit Amanah (Garis panduan UTF) yang telah disemak supaya sejajar dengan standard antarabangsa, Suruhanjaya Sekuriti juga mengeluarkan satu garis panduan baru bagi meningkatkan keperluan penzahiran prospektus unit amanah bagi membolehkan pelabur membuat keputusan pelaburan bermaklumat. Garis panduan baru Prospektus bagi Skim Pelaburan Kolektif ini bertindak sebagai sumber rujukan tunggal bagi keperluan penzahiran untuk dana unit amanah tidak tersenarai dan juga dana yang tersenarai seperti amanah pelaburan hartanah, dana dagangan bursa dan dana tertutup. Dalam pada itu, Garis panduan UTF yang disemak semula itu memberikan lebih kelonggaran dalam penstrukturan produk-produk inovatif yang akan menarik minat pelabur Malaysia dan asing, dan menawarkan lebih keflexibelan kepada pengurus dana bagi meningkatkan pulangan kepada pelabur.

Selain itu, terdapat juga Organisasi Pengawalseliaan Kendiri (SRO) iaitu sebuah organisasi yang diiktiraf untuk menjalankan fungsi-fungsinya melalui pelaksanaan penguatkuasaan serta untuk menjaga kepentingan awam dan melindungi kepentingan para pelabur. Dengan pengiktirafan ini, Persekutuan Pengurus Pelabur Malaysia (FIMM) akan mengawalselia ahli-ahlinya melalui peranan yang ditetapkan seperti etika dan integriti bagi melindungi hak para pelabur (<https://www.fimm.com.my/wp-content/uploads/2013/06/fimm-dec-bm.pdf>). Dicapai pada 21/05/2017)

Persekutuan Pengurus Pelabur Malaysia (FIMM), yang bermula sebagai Persekutuan Pengurus-Pengurus Unit Amanah Malaysia (FMUTM) pada 7 Ogos 1993. Sehingga 6 September 2012, Persekutuan Pengurus Pelabur Malaysia (FIMM) mempunyai 42 ahli biasa; terdiri daripada syarikat-syarikat pengurusan unit amanah (UTMC). Persekutuan Pengurus Pelabur Malaysia (FIMM) berperanan sebagai platform bagi membincangkan isu berkaitan industri unit amanah dan industri Skim Persaraan Swasta. Pengiktirafan Persekutuan Pengurus Pelabur Malaysia (FIMM) sebagai Organisasi Pengawalseliaan Sendiri merupakan satu peristiwa penting dalam sejarahnya memandangkan Persekutuan Pengurus Pelabur Malaysia (FIMM) akan berperanan sebagai badan industri dan badan kepentingan awam, yang menyokong perkembangan industri unit amanah dan Skim Persaraan Swasta [Private Retirement Scheme (PRS)] di Malaysia ([https://www.Persekutuan Pengurus Pelabur Malaysia \(FIMM\).com.my/wp-content/uploads/2013/06/fimm-dec-bm.pdf](https://www.PersekutuanPengurusPelaburMalaysia(FIMM).com.my/wp-content/uploads/2013/06/fimm-dec-bm.pdf)). Dicapai pada 20/5/2017)

Persekutuan Pengurus - Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM) telah diiktiraf oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia sebagai sebuah Organisasi Pengawalseliaan Kendiri [Self-Regulatory Organisation (SRO)] untuk industri unit amanah mengikut Seksyen 323(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 melalui perintah yang diwartakan bertarikh 20 Januari 2011. Persekutuan Pengurus Pelabur Malaysia (FIMM) akan mengawal selia ahli-ahlinya sambil

memastikan bahawa pelabur dilindungi dan kepentingan awam terjaga. Tugas utama Persekutuan Pengurus Pelabur Malaysia (FIMM) adalah meningkatkan profesionalisme ejen jualan dan pengedar melalui latihan industri dan membentuk amalan sistem jualan yang teguh dengan pemantauan mencukupi dan pengawasan oleh Persekutuan Pengurus Pelabur Malaysia (FIMM). Ini perlu bagi menaikkan keyakinan dan perlindungan pelabur apabila melabur dalam produk unit amanah dan juga membantu pelabur mengelak daripada dikelirukan bagi melabur dalam sesuatu produk yang tidak bersesuaian dengan mereka. Persekutuan Pengurus Pelabur Malaysia (FIMM) juga akan menjadi satu lagi saluran untuk pelabur meluahkan sebarang perasaan tidak puas hati atau pertanyaan mengenai industri unit amanah.

Antara ciri-ciri pengawalseliaan sendiri ini adalah tatalaku dan kewibawaan yang profesional, kesaksamaan, ketelusan, kebertanggungjawaban serta penglibatan awam. Persekutuan Pengurus Pelabur Malaysia (FIMM) bertanggungjawab memastikan ahlinya, iaitu Perunding Unit Amanah [*Unit Trust Consultant (UTC)*] dan Perunding Skim Persaraan Swasta [*Private Retirement Scheme Consultants (PRC)*] memiliki kecekapan dan kewibawaan dalam bertindak demi kepentingan para pelabur. Para perunding ini bertanggungjawab terhadap kepatuhan kod, piawaian serta mengekalkan kewibawaan serta etika. Sebagai organisasi pengawalseliaan sendiri, Persekutuan Pengurus Pelabur Malaysia (FIMM) bertanggungjawab seperti berikut:

- Mendukung kepentingan awam dengan memperteguhkan integriti pasaran, kecekapan pasaran dan melindungi kepentingan para pelabur.
- Mendaftarkan semua ahli dan organisasi yang ingin memasarkan dan mengedarkan unit amanah dan Skim Persaraan Swasta.
- Mempromosikan program pendidikan dan kesedaran bagi mewujudkan komuniti yang berpengetahuan dalam pelaburan.
- Mengimbangi peraturan terhadap ahlinya dengan sokongan daripada kepentingan mereka dan para pelabur.
- Mengawas tingkah laku industri secara proaktif, adil dan konsisten dalam mengambil tindakan disiplin terhadap salah laku dan ketidakpatuhan.
- Menyediakan kemahiran pakar untuk membangunkan industri unit amanah.
- Meningkatkan piawaian amalan jualan dan pengedaran dengan merangka aturan jualan yang berkesan serta mekanisme pemantauan dan penyeliaan yang mencukupi.
- Meningkatkan profesionalisme di kalangan para perunding dan pengedar unit amanah.
- Meningkatkan piawaian ujian dan pemilihan, peperiksaan kelayakan dan latihan bagi mengekalkan piawaian syarat kemasukan, kewibawaan profesional dan kemahiran yang tinggi.

- Memperkenalkan rangka kerja Pembangunan Profesional Berterusan [*Continuing Professional Development (CPD)*] bagi memastikan para pendedar mengikuti perkembangan industri semasa.

Beberapa usaha dan inisiatif telah dilakukan oleh FIMM untuk memenuhi tanggungjawab pengawalseliaan sendiri, seperti meningkatkan tahap profesionalisme di kalangan para perunding unit amanah dan para pendedar unit amanah melalui latihan dan peperiksaan yang kukuh, mengguna pakai amalan pendedaran yang lebih beretika, meningkatkan rangka kerja bagi pengawasan aktif, menguatkuasakan dan mengambil tindakan disiplin terhadap pelanggaran peraturan dan garis panduan serta mengembangkan kempen kesedaran di kalangan orang awam (<https://www.fimm.com.my/wp-content/uploads/2013/06/fimm-dec-bm.pdf>). Dicapai pada 20/05/2017).

PRINSIP SYARIAH DALAM URUSNIAGA UNIT AMANAH

Berikutan dana-dana unit amanah yang terlibat merupakan dana unit amanah patuh syariah maka analisis memberi pemfokusan terhadap aspek aplikasi prinsip syariah, penentuan pelaburan dan kriteria pelaburan. Dalam transaksi unit amanah patuh syariah terdapat beberapa kontrak syariah yang terlibat iaitu kontrak *al-musyārahah* wujud di kalangan para pemegang unit bagi urusan niaga dalam instrument yang ditetapkan, dengan niat bahawa keuntungan yang akan diperolehi akan dikongsi di kalangan mereka mengikut sumbangan modal masing atau nisbah keuntungan lain yang dipersetujui. Pelaksanaan kontrak *bay'* (jual beli) akan berlaku antara pemegang unit dan syarikat pengurusan dana apabila urusan jual beli unit berlaku sebelum mahupun selepas pelaburan dilakukan. Wujudnya akad *wakalah* iaitu berlaku antara pelabur dan pengurus dana, apabila pengurus bertindak selaku wakil bagi pihak syarikat untuk melaburkan dana yang diberikan oleh pelabur, manakala penggunaan prinsip *al-wakālah bil al-Istithmār* iaitu akad perwakilan antara pemegang unit dengan syarikat pengurusan dana bagi tujuan pelaburan di mana syarikat pengurusan dana bertindak sebagai ejen untuk melaburkan wang pelanggan ke dalam aktiviti pelaburan patuh Syariah.

PENENTUAN PELABURAN DANA UNIT AMANAH SYARIAH

Manakala bagi aspek penentuan merujuk kepada pemilihan saham dana-dana unit amanah Islam, kedua-dua institusi ini menerangkan secara terperinci aspek-aspek yang perlu ditekankan sebelum sesuatu dana dimasukkan ke dalam saham tersebut. Aspek-aspek yang menjadi penekanan antaranya perjalanan perniagaan syarikat yang akan dipilih mestilah tidak terlibat dengan aktiviti yang diharamkan disisi syarak mengikut penanda aras yang telah ditetapkan. Skim unit amanah berteraskan syariah hanya boleh melabur dalam instrument yang mematuhi keperluan syariah yang tertakluk kepada kelulusan daripada majlis penasihat syariah suruhan sekuriti dan jawatankuasa syariah/penasihat syariah serta mengikut objektif tabung (surat ikatan), antaranya ialah:

- Sekuriti patuh syariah
- Waran dan opsyen yang terbitkan yang dikelaskan patuh syariah

- Terbitan pelaburan kerajaan
- Kontrak niaga hadapan yang mematuhi kehendak syariah
- Produk pasaran wang Islam
- Sekuriti asing patuh syariah
- Instrument deposit boleh niaga Islam
- Sekuriti Islam dan Bon Islam Korporat

PERUBAHAN STATUS DANA UNIT AMANAH SYARIAH

Dalam hal sekuriti yang pada awalnya dikelaskan sekuriti patuh syariah tetapi atas sebab tertentu seperti perubahan operasi kemudiannya menjadi tidak patuh syariah, jika nilai sekuriti yang dipegang melebihi kos pelaburan asal maka pelabur yang memegang sekuriti tidak patuh syariah mestilah menjualnya. Keuntungan modal yang diperolehi daripada penjualan sekuriti tidak patuh syariah yang di buat pada masa pengumuman boleh disimpan pelabur. Walaubagaimanapun sebarang lebihan keuntungan modal yang diperolehi daripada penjualan selepas hari pengumuman pada harga pasaran yang lebih tinggi daripada harga penutup pada hari pengumuman hendaklah disalurkan kepada badan amal.

Sebaliknya pelabur dibenarkan memegang pelaburan mereka dalam sekuriti tak patuh syariah jika harga pasaran sekuriti tersebut di bawah kos pelaburan asal. Pelabur juga dibenarkan menyimpan dividen yang diterima semasa tempoh pegangan sehingga jumlah dividen yang diterima dan nilai pasaran sekuriti tersebut menyamai kos pelaburan asal. Pada peringkat ini pelabur dinasihatkan untuk menjual pegangan mereka. Bagi hal sekuriti yang tidak patuh syariah dari asalnya, syarikat akan menjual sebarang sekuriti tidak patuh syariah yang dipegang dalam tempoh sebulan selepas mengetahui status sekuriti tersebut. Sebarang keuntungan yang diperolehi dalam bentuk keuntungan modal atau dividen yang diterima semasa atau selepas penjualan sekuriti hendaklah disalurkan kepada badan amal, pelabur hanya berhak untuk mendapat kembali kos pelaburan asal.

KESIMPULAN

Pengurusan dana unit amanah syariah melibatkan beberapa perkara antaranya, objektif tabung, strategi pelaburan, operasi dan pengurusan, dokumentasi, saluran dan aktiviti, akaun dan pelaporan yang kesemuanya mestilah mematahkan keperluan syariah. Berdasarkan prospektus PMB Investment pelaburan yang dibuat untuk Dana mesti mematuhi prinsip-prinsip Syariah yang pada umumnya tidak termasuk perbankan konvensional, insurans dan institusi kewangan, perjudian/perjudian, minuman beralkohol, produk makanan yang tidak halal, faedah daripada instrumen pasaran wang dan sekuriti atau yang ditentukan oleh Penasihat Syariah. Melainkan jika dilarang oleh pihak berkuasa yang bersangkutan paut dengan perundangan atau tidak selari dengan objektif Dana.

Dana mesti dilaburkan secara agresif dalam pelaburan/sekuriti yang mematuhi prinsip-prinsip Syariah dan diluluskan oleh Penasihat Syariah, Majlis

Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti atau badan antarabangsa penetapan piawaian Syariah (jika berkenaan). Dana tidak melabur dalam sekuriti tidak tersenarai (kecuali hak yang diterima daripada syarikat-syarikat tersenarai dalam portfolio sedia ada), dalam syarikat-syarikat luar negara, pemberian pinjaman sekuriti dan pasaran niaga hadapan. Walau bagaimanapun, Dana mungkin melabur dalam sekuriti ini pada masa hadapan. Untuk pelaburan di luar negara, nilai pelaburan terhad kepada maksimum 30% daripada NAB Dana. Penasihat Syariah bertindak menetapkan garis panduan pengurus dana untuk melabur dalam sekuriti patuh Syariah. Namun, Penasihat Syariah tidak terlibat dalam menentukan kategori dana dan di mana dana tersebut akan dilaburkan. Walau bagaimanapun, Penasihat Syariah masih boleh bertindak sebagai penasihat bagi dana-dana yang akan dilaburkan supaya selari dengan tuntutan syaria'.

Manakala pengurusan dana bagi RHB Asset Management pula menjelaskan, Dana boleh melabur dalam sekuriti yang didagangkan di Bursa Malaysia atau mana-mana pasaran lain yang dianggap sebagai pasaran yang layak, skim pelaburan kolektif, sekuriti/instrumen di luar Negara pasaran, derivatif kewangan, produk berstruktur, aset cair (termasuk pasaran wang, instrumen dan deposit dengan mana-mana institusi kewangan), mengambil bahagian dalam pemberian pinjaman sekuriti, dan mana-mana pelaburan lain yang dibenarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dari semasa ke masa. Syarikat pengurus dana akan membuat garis panduan pelaburan mengikut kesesuaian kategori pelaburan atas khidmat nasihat jawanakuasa pelaburan dan seterusnya meminta nasihat dari jawatankuasa penasihat syariah untuk kumpulan RHB Group.

Berdasarkan pengamatan terdapat dua syarikat yang memperolehi status Syarikat pengurus Dana Islam iaitu yang menjalankan urusanniaga dengan menawarkan dana Islam sepenuhnya dengan melantik penasihat syariah untuk syarikat dan melantik penasihat syariah untuk dana yang diuruskan, manakala yang syarikat pengurusan dana yang selebihnya menjalankan urusanniaga dengan menawarkan dana konvensional dan dana syariah Selain itu dana unit amanah syariah. Penggunaan prinsip *wakalah bil ujrāh* atau *al-wakalah bil-Istithmār* adalah model wakalah yang dimodifikasi atau model wakalah dengan *performance incentive*. Secara mudahnya kontrak *wakalah bil istithmār* ini membina hubungan antara pemegang unit dan syarikat pengurus dana (sebagai wakil) untuk membuat pelaburan dalam portfolio yang dibenarkan syarak, dan syarikat akan menerima yuran pengurusan, melalui model ini, syarikat berhak untuk mendapatkan wakalah fee, juga akan mendapatkan bahagian keuntungan atas dasar *performance incentive* melalui aktiviti pelaburan. Secara mudah syarikat pengurusan dana menggabungkan pengambilan yuran dan pembahagian keuntungan dalam akad tersebut. (Joni Tamkin bin Borhan, 2017).

Maka secara hukum muamalat terjadi ialah akad al-murakkābah al-Mutaqabilah iaitu akad al-musyārahah, al-Bai, wadi'ah yad dhamānah dan wakalah. Menurut Ali Amin Isfandiari, (2013) kontrak gabungan dalam bentuk akad kedua mempengaruhi akad pertama, di mana kesempurnaan akad pertama bergantung kepada sempurnanya akad kedua melalui proses timbal balik. Dana unit amanah syariah memainkan peranan dan fungsi yang penting sebagai satu

segmen dalam pasaran modal. Ianya juga merupakan pelengkap kepada komponen sistem kewangan Islam yang lain, iaitu perbankan Islam, takaful dan sektor pasaran wang. Untuk menyokong usaha ini suruhanjaya sekuriti telah menumpukan usaha untuk meluaskan julat produk pasaran modal Islam dengan peningkatan pasaran ekuiti patuh syariah. Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 menyediakan asas perundangan bagi rangka kerja pengawalseliaan yang komprehensif untuk industri kewangan Islam di Malaysia. Fokus penting rangka kerja ini ialah pembangunan piawaian Syariah dan operasi untuk kontrak-kontrak Syariah yang utama. Piawaian ini menggariskan prinsip asas Syariah serta menyediakan panduan bagi amalan berhemat dan tadbir urus berkesan untuk setiap kontrak. Piawaian ini bertujuan untuk menggalakkan ketelusan dan keseragaman dalam aplikasi kontrak Syariah bagi meningkatkan kepastian dan mengukuhkan pematuhan Syariah oleh institusi kewangan Islam.

BIBLIOGRAFI

- Al-Quran al-Karim, (1983), Abdullah Muhammad Basmeh, *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ab Mumin Ab Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jakim.
- Ali Amin Isfandiari. (2013). Analisis Fiqh Muamalah tentang Hybrid Contract Model dan Penerapannya pada Lembaga Keuangan Syariah. *Jurnal Penelitian*, 10(2), 205–231.
- Azlan Khalili (1993), *Yang Perlu Anda Tahu Saham dan Pelaburan*. Kuala Lumpur, Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Elfakhani, Said M., Hassan M. Kabir & Sidani Yusuf M. (2007), “Islamic Mutual Funds”, in Hassan, M.Kabir and Lewis, Mervyn K. (eds), *Handbook of Islamic Banking*.UK: Edward Elgar Publishing Limited.
- Fadillah Mansor, & Bhatti, M. I. (2011). Risk and Return Analysis on Performance of the Islamic mutual funds : Evidence from Malaysia *. *Global Economy and Finance Journal*, 4(1), 19–31.
- Fadillah Mansor, & Fakhruddin Sulaiman. (2009). Operasi dana saham amanah secara Islam: kajian kes di Public Mutual Berhad. *Jurnal Syariah*, 17(1), 69–88. Retrieved from <http://myais.fsktm.um.edu.my/9946/>
- Fadillah Mansor, & M.Ishaq Bhatti. (2011). The Islamic mutual fund performance : New evidence on market timing and stock selectivity. In *International Conference on Economics and Finance Research (ICEFR 2011)* (pp. 487–494).
- Fauziah Md.Taib, & Mansor Isa. (2007). Malaysian Unit Trust Aggregate Performance. *Managerial Finance*, 33(2), 102–121.
- Lau Wee Yeap. (2002). Does Asset Allocation Explain The Styles And performance of Unit Trust Fund: A Style Analysis With Evidence from Malaysia. *Kajian Malaysia*, XX(2), 1–32. Retrieved from <http://web.usm.my/km/KM XX,2-2002/DOES ASSET ALLOCATION>

EXPLAN THE STYLES AND PERFORMANCE OF UNIT TRUST FUNDS.pdf

- Mohd Yahya Mohd Hussin, & Joni Tamkin Borhan. (2009). Analisis Perkembangan Pasaran Saham Islam Di Malaysia. *Jurnal Syariah, Vol. 17*(No. 3), 431–456.
- Muhammad Yamin Ismail, & Abdullah Alwi Haji Hassan. (2006). Instrumen Pasaran Modal Islam Di Malaysia: Kajian Khusus. *Jurnal Penyelidikan Islam, 19*, 71–92.
- Nor Azlida Aleng@Mohamad, Wan Muhammad Amir Wan Ahmad, Mustafa Mamat, & Zaidi Isa. (2010). Analisis kecekapan relatif bagi industri saham amanah menggunakan pendekatan ekonometrik. *International Journal Management Studies, 17*(1), 189–202.
- Norma Md.Saad, M.Sabri Abd.Majid, Salina Kassim, Zarinah Hamid, & Rosylin Mohd.Yusof. (2010). A comparative analysis of the performance of conventional and Islamic unit trust companies in Malaysia. *International Journal of Managerial Finance*.
- Nur Atiqah Abdullah, & Nur Adiana Hiau Abdullah. (2009). The performance of Malaysian unit trusts investing in domestic versus international markets. *Asian Academy of Management Journal of Accounting and Finance, 5*(2), 77–100.
- Rifki Ismal, (2010) Assessment of Liquidity Management in Islamic Banking Industry. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management. 3*(2): 147-167.
- Rifki Ismal, (2011) Central Bank Islamic Monetary Instruments: A Theoretical Approach. *Studies in Economics and Finance 28*(1): 51-67.
- Salina Haji Kassim, & Saqinah Kamil. (2012). Performance of Islamic unit trusts during the 2007 global financial crisis: Evidence from malaysia. *Asian Academy of Management Journal, 17*(2), 59–78.
- Suhailah Jaafar. (2013). *Pengurusan Dana Unit Amanah Islam MAAKL Mutual dan Public Mutual: Suatu Perbandingan. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII) "Dasar Awam Dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju."*
- Tan Yen Keng. (2000). Unit Trust Performance Measurement: the Snail Trail Approach. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum., 8* (2), 103–114. Retrieved from http://psasir.upm.edu.my/3318/1/Unit_Trust_Performance_Measurement.pdf
- Zaimah Ramli. (2010). Ketersampaian Masyarakat Tani Kepada Pelaburn Saham Amanah (Assesibility of Peasant Community Toward Investment of Unit Trust) Zaimah Ramli. *Jurnal E-Bangi, 5*(1), 142–152.